

# OPOSISI TAK AKAN BERKUASA — MUSA

KUALA LUMPUR, 14 Mei. — Parti-parti pembangkang tidak akan berkuasa di negara ini pada bila-bila masa sekalipun.

Demikian diungkapkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam ketika menutup kursus perancangan UMNO di sini hari ini.

Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden UMNO menegaskan ini bukanlah satu kenyataan taibur tetapi ia telah diterima oleh dunia luar dan tempatan serta juga oleh pihak pembangkang sendiri.

Beliau berkata, pembangkang kini 'lemas' apabila bertentangan dengan kerajaan baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ia mereka bukan lagi menjadi isu dan kritik mereka hanya berasaskan kritik semata-mata, tegas Datuk Musa lagi.

Bagaimanapun Datuk Musa berkata, "Yang memegang kuasa akan diusahakan dan yang tidak

memegang kuasa akan memudar."

Datuk Musa mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa meskipun mengetahui parti-parti pembangkang lemah, namun usaha mengatur strategi harus dijalankan dan kekuatan di kalangan ahli-ahli parti harus diperkukuhkan.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, parti-parti pembangkang mungkin menggunakan taktik 'takut-menakut' dan 'bisik membisik' dalam pilihanraya akan datang.

Bagaimanapun, Datuk Musa berkata, Barisan Nasional amnya dan UMNO khasnya akan menghadapi cabaran itu mengikut peraturan berasaskan pengalaman yang dialami sejak belum mencapai merdeka lagi.

Dulu, kata Datuk Musa, UMNO mengakui kelemahannya. Tetapi setelah insaf dengan kelemahan itu, strategi diatur untuk mengatasinya sambil

menumpukan kekuatan yang ada.

Parti pemerintah sedia menghadapi kritik dan membetulkan kritik-kritik itu.

Datuk Musa juga membuatkan para perwakilan tergamam seketika apabila beliau menyebut dengan merangkak-rangkak, "Kita pasti akan menghadapi pemilihan. Pemilihan akan datang akan diadakan selewat-lewatnya. 18 Mei akan datang," katanya sambil menyambung "pemilihan UMNO Peringkat Bahagian, lalu disambut dengan gelak ketawa.

Seterusnya beliau berkata, "Kita pasti akan mengadakan pilihanraya umum kerana dimestikan kita menghadapi rakyat untuk mentadbir".

Adalah menjadi hak keistimewaan parti politik yang berkuasa untuk menentukan bila, dalam keadaan apa, sepanjang manakah pilihanraya umum itu boleh diadakan, tambah Datuk Musa lagi.

"Kerana kita parti politik berkuasa, tentulah kita memilih saat dan keadaan macam mana pilihanraya itu akan diadakan," tegas beliau.

Ini adalah berasaskan kepada hasrat Kerajaan hendak meneruskan hasrat rakyat kerana ia berkelengkapan melaksanakannya.